

30/08/2003

Pemimpin, rakyat doa keamanan negara

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail berserta 5,000 umat Islam yang menunaikan solat Jumaat di Masjid Negara, mendoakan keamanan negara, kesejahteraan rakyat dan perpaduan kaum sempena perayaan Bulan Kemerdekaan ke-46, semalam.

Bacaan doa dipimpin Imam Besar Masjid Negara, Wan Halim Wan Harun. Wan Halim turut mengimamkan sembahyang Jumaat dan membaca khutbah khas Jumaat yang bertajuk 'Kemerdekaan Untuk Keamanan dan Kemakmuran.'

Hadir sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid; dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Abdul Kadir berkata, semua masjid di seluruh negara semalam membacakan teks khutbah Jumaat yang seragam.

Selain bacaan khutbah, majlis tahlil dan doa selamat turut diadakan di setiap masjid menggunakan bacaan yang juga diselaraskan. Teks khutbah dan bacaan doa berkenaan disediakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Abdul Kadir berkata, selain masjid, tempat ibadat lain termasuk gereja, kuil, tokong dan wat turut mengadakan upacara agama masing-masing bagi mendoakan kesejahteraan rakyat dan keamanan negara serta membaca teks yang memberi penekanan kepada keamanan dan perpaduan.

"Teks itu menjadi panduan menjalankan upacara keagamaan mengikut kepercayaan masing-masing," katanya.